

KENYATAAN AKHBAR

KEPUTUSAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH 2009

Jabatan Peperiksaan Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2009:

Daripada **6,553** calon yang menduduki peperiksaan ini, seramai **5,597** calon atau **85.41% lulus**. Sebanyak **37** buah sekolah mencapai 100% termasuk 20 buah sekolah kerajaan dan 29 buah sekolah kerajaan juga menunjukkan peningkatan dalam lingkungan 0.37% - 27.32% manakala 15 buah sekolah lagi sebanding pencapaiannya dengan tahun lepas.

Seramai **303** calon atau **4.62%** telah dapat menunjukkan keputusan yang cemerlang dengan mendapat Gred A dalam 5 mata pelajaran.

Sebanyak **12** buah sekolah kerajaan telah dapat menonjolkan calon-calon yang memperolehi Gred A dalam 5 mata pelajaran.

Dan juga dimaklumkan kepada murid-murid yang menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing dan bagi calon-calon persendirian di Jabatan Peperiksaan pada waktu pejabat dibuka.

-SELESAI-

Dikeluarkan oleh:

Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Negara Brunei Darussalam BB3510.